

Microsoft bangun pusat data di Kulai

Johor Bahru: Syarikat gergasi teknologi global, Microsoft membangunkan sebuah pusat data di daerah Kulai dan pembinaannya kini mencapai 40 peratus, kata Menteri Besar Johor Datuk Hasni Mohammad.

Beliau berkata, pembinaan itu dapat merancakkan sektor ekonomi, sekali gus menyediakan peluang pekerjaan di negeri ini.

“Pembinaan pusat data ini bukan sahaja dalam bentuk pelaburan khusus, tetapi turut menyediakan peluang pekerjaan.

“Ia juga menarik syarikat rangkaian Microsoft datang ke Johor dan melabur di sini,” katanya ketika melancarkan kempen Johor Perangi Denggi 2020 di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri R Vidyantanthan dan Pengarah

Jabatan Kesihatan Negeri Johor Dr Aman Rabu.

Pada masa sama, Hasni berkata, kerajaan negeri mendapat pertanyaan daripada syarikat teknologi di Jepun yang menunjukkan minat membina pusat data di Johor.

“Banyak pihak menghubungi kerajaan negeri yang mahu meneroka dan melabur dalam bidang baharu. Ini kerana Johor unik dan ada banyak potensi untuk dimajukan,” katanya.

Beliau berkata, pembinaan pusat data itu juga diharapkan dapat menjadikan Johor negeri yang berjaya melaksanakan inisiatif pendigitalan hasil limpahan manfaat daripada pembinaannya.

“Rakyat juga dapat menggunakan sepenuhnya Internet dan menjadikan Johor negeri yang berjaya melaksanakan program pendigitalan,” katanya. -Bernama

“
**Johor unik dan
ada banyak
potensi untuk
dimajukan**
Hasni Mohammad